



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
Sektor Pembangunan Kemanusiaan
Aras 4, Wisma Pendidikan
Jalan Dunst Terrace, 88450 Likiep

**88604 KOTA KINABALU, SABAH
MALAYSIA**

Tel : 088-537010 / 7184
Fax : 088-310724
Laman Web: www.moe.gov.my/jpnsabah

Rujukan : JPNSBH.SPK.UKOKUM.600-11/4()
Tarikh : 6 Mac 2019

Pengerusi
Jawatankuasa Pemandu Kuala Lumpur Engineering Science Fair (KLESF)
Universiti Tunku Abdul Rahman
Jalan Sungai Long, Bandar Sungai Long Cheras
**43000 KAJANG, SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA**

Tuan,

**KEBENARAN DAN KELULUSAN HEBAHAN PENGANJURAN PROGRAM/AKTIVITI KUALA LUMPUR
ENGINEERING SCIENCE FAIR (KLESF: THE FAIR 2019)**

Adalah saya diarah merujuk surat tuan tanpa rujukan bertarikh **8 Januari 2019** berhubung perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak **Jabatan Pendidikan Sabah** tiada halangan untuk memberi **kebenaran kepada Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Kuala Lumpur Engineering Science Fair (KLESF), Universiti Tunku Abdul Rahman menganjurkan Program Program/Aktiviti Kuala Lumpur Engineering Science Fair (Klesf: The Fair 2019)**. Walaubagaimanapun pihak tuan **MESTILAH** memberi info lanjut mengenai program tersebut khususnya kepada pihak pengelola, penginapan dan kebajikan guru dan murid di samping mematuhi arahan-arahan berikut:

3. Kebenaran ini adalah tertakluk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas seperti berikut:
 - 3.1 Surat Pekeliling Ikhtisasa Bil. 9/2004 – Panduan Penglibatan Murid-Murid Sekolah Dalam Program atau Aktiviti Anjuran Agensi-Agensi Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.
 - 3.2 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2009 – Langkah-langkah Keselamatan Semasa Mengikut Aktiviti/Program Lawatan di Luar Waktu Persekolahan.
 - 3.3 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2016 – Panduan Keselamatan Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani Dan Kesihatan serta Kegiatan Kokurikulum Dan Sukan Di Dalam dan Di Luar Sekolah.
 - 3.4 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1999 – Keselamatan Diri Murid Dalam Perjalanan Pergi dan Balik Sekolah.

SELANGKAH KE HADAPAN MENDEPANI PERUBAHAN



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
Sektor Pembangunan Kemanusiaan
Aras 4, Wisma Pendidikan
Jalan Puncak Terasah, 88450 Likiep

**88604 KOTA KINABALU, SABAH
MALAYSIA**

Tel : 088-537010 / 7184
Fax : 088-310724
Laman Web: www.moe.gov.my/jpnSabah

- 3.5 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 21/1988 – Persediaan Menghadapi Bencana Alam (Tindakan menyediakan makanan jika berlaku pada bila-bila masa).
 - 3.6 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/1995 – Keracunan Makanan Di Sekolah-Sekolah (Mengambil langkah keselamatan jika mengambil makanan semasa program dan dalam perjalanan pergi/balik).
 - 3.7 Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1995 – Pelaksanaan Skim Takaful Kemalangan Diri Berkelompok Bagi Semua Pelajar Sekolah Kerajaan Dan Bantuan Kerajaan.
4. Pihak tuan juga perlu mematuhi perkara-perkara berikut:
- I. Pihak tuan bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dalam program ini.
 - II. Murid-murid dan guru tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dalam program ini.
 - III. Persetujuan dan kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga murid yang menyertai program ini.
 - IV. Pihak tuan hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum.
 - V. Penglibatan murid perlu diiringi oleh guru sekolah berkenaan. Jika terdapat 14 orang murid yang menyertai program ini maka dua (2) orang guru adalah mestikan untuk mengiringi pasukan.
 - VI. Penglibatan guru dan murid dalam program ini tidak akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka.
 - VII. Penggunaan pengangkutan awam mestilah yang disahkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan serta diselenggara dengan baik serta mempunyai rekod pemanduan yang selamat.
 - VIII. Aktiviti yang melibatkan air adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
5. Sehubung dengan ini juga, adalah dimaklumkan bahawa penyertaan guru dan murid dalam program tersebut tidak akan memberi implikasi kewangan dan juga apa-apa tuntutan jika berlaku kemalangan, kecederaan dan kerugian yang dialami oleh pihak tuan, guru atau murid kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Sabah, Pejabat Pendidikan Daerah dan Sekolah yang terlibat. Pihak tuan juga diminta sentiasa menjaga disiplin agar tidak menimbulkan sebarang Implikasi yang negatif daripada program yang dijalankan.

SELANGKAH KE HADAPAN MENDEPANI PERUBAHAN



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
Sektor Pembangunan Kemanusiaan
Aras 4, Wisma Pendidikan
Jalan Bunat Tanah, 88150 Likiep
88604 KOTA KINABALU, SABAH
MALAYSIA

Tel : 088-537010 / 7184
Fax : 088-310724
Laman Web: www.moe.gov.my/jpsabah

6. Diharapkan pihak tuan mematuhi perkara-perkara yang tersebut di atas. Kebenaran ini hanya sah sehingga **31 Disember 2019 sahaja**.

Sekian terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menjalinkan amanah,

DATU JAMIGUL BIN HAJI DATU SALIN ADK
Ketua Sektor
Sektor Pembangunan Kemanusiaan
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
b/p. Pengarah Pendidikan Negeri Sabah

Sk: *Pejabat Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah.*
Fail.

SELANGKAH KE HADAPAN MENDEPANI PERUBAHAN